

Matapelajaran : Geografi
Tingkatan : 2
Tema : Petempatan Dan Perkembangannya (Tema 5)(5.2)
Tajuk : Faktor yang mempengaruhi petempatan

Soalan Kurikulum

Soalan Penting : 1. Di manakah manusia akan tinggal jika kawasan daratan telah digunakan sepenuhnya?

Soalan Unit : 1. Mengapakah kawasan tanah pamah menjadi tumpuan penduduk?
2. Bagaimanakah dasar governan mempengaruhi petempatan di luar bandar?

Soalan Kandungan : 1. Senaraikan faktor-faktor yang mempengaruhi petempatan di Malaysia?
2. Huraikan faktor-faktor fizikal yang mempengaruhi petempatan penduduk di Malaysia?

Objektif Pembelajaran:

Pada akhir projek pelajar dapat

1. Menyiapkan projek mengikut tempoh yang ditetapkan
2. Mempersembahkan projek dalam bentuk laporan lisan dan bertulis
3. Mempersembahkan projek dalam bentuk Power Point
4. Menyiapkan, mempamerkan dan mengedarkan brosur projek
5. Menambahkan keyakinan pelajar dalam menyampaikan maklumat melalui syarahan.

Ringkasan Pelajaran

Manusia pada zaman dahulu hidup secara nomad iaitu berpindah-randah dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Perkembangan hidup menyebabkan manusia tinggal dan menetap di sesuatu tempat. Manusia mempelbagaikan kegiatan dan aktiviti untuk memperbaiki kehidupan. Pemilihan tapak petempatan mengambil kira faktor-faktor sejarah, dasar kerajaan, bentuk muka bumi, kegiatan ekonomi, kepelbagaian sumber dan ketersampaian.

Prosedur

Pra –Projek

1. Guru membahagikan pelajar kepada kumpulan (3 hingga 5 orang)
2. Guru memberi tajuk tugas projek
3. Guru menjelaskan tentang pelaksanaan projek
4. Guru mengedarkan jadual pelaksanaan projek
5. Pelajar membincangkan soalan penting (Essential Question) dalam kumpulan masing-masing

Minggu 1

1. Membuat kumpulan kecil
2. Guru menjelaskan tajuk dan tugas
3. Menyenaraikan sumber-sumber maklumat
4. Pelajar mendapatkan maklumat melalui internet, rujukan, lawatan ke kampung yang berhampiran, menemubual orang sumber

Minggu 2

1. Perbincangan hasil dapatan pelbagai sumber
2. Menyusun hasil dapatan mengikut prosedur projek
3. Perbincangan guru dan pelajar tentang bentuk persembahan yang akan dihasilkan – multimedia dan bercetak

Minggu 3

1. Pelajar menghasilkan projek dalam bentuk multimedia dan bercetak
2. Guru membuat penilaian awal hasil daripada projek pelajar
3. Pelajar membetulkan kelemahan yang wujud

Minggu 4

1. Pelajar mempersembahkan hasil projek mereka mengikut kumpulan
2. Guru membuat penilaian akhir hasil projek
3. Pelajar membentangkan refleksi / post-mortem sepanjang penghasilan projek

Tempoh Masa

4 minggu

Pengetahuan/ Kemahiran Sedia Ada

Pengetahuan am tentang persekitaran tempat sendiri.

Kemahiran mengakses internet yang perlu ada pada pelajar sebelum memulakan pelajaran.

Integrasi Kemahiran Generik

Kemahiran Belajar

Kemahiran Berfikir

Kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Kemahiran Mentaksir dan Menilai

Kemahiran Fasilitator

Bahan Bantu Belajar/ Sumber Pembelajaran

Teknologi- Peralatan :

Kamera

Cakera Padat

VCR

Komputer

Pencetak

Radio

Kamera Digital

LCD

OHP

DVD Player

Alat Pengimbas

Kamera Video

Capaian Internet

Televisyen

Audio Video

Teknologi – Perisian

Pangkalan Data

Pemprosesan imej

Perisian laman web

Penerbitan

Pelayar internet

E-Mail

Pemproses Kata

Multimedia

Bahan Bercetak : Buku Teks, buku rujukan, jurnal, majalah, peta bergambar,

Sumber Internet : Alamat laman web (URL)

Lain-lain : Responden (Pengawai Daerah, Orang sumber)

Pentaksiran : Rubrik penilaian syarahan

Kata kunci : Petempatan